**LAMPIRAN I**

# GARIS PANDUAN PROSES AKHIR TAHUN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian / Pusat Tanggungjawab (**PTJ**) dalam memastikan pelaksanaan proses akhir tahun melalui Sistem ePerolehan (**eP**) Bagi Tahun Kewangan 2019 berjalan dengan lancar dan teratur.

1.2 Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan surat Kementerian Kewangan no. rujukan MOF.NBO(S)600-9/15/19 (1) bertarikh 21 November 2019 bertajuk Tarikh Akhir Bayaran Tahun 2019 dan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2019. Kementerian / **PTJ** dipohon mengambil maklum bahawa tarikh yang ditetapkan di dalam garis panduan ini adalah berpandukan kepada tarikh akhir bayaran yang ditetapkan oleh Pejabat Belanjawan Negara dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1.3 Kementerian / **PTJ** dikehendaki merancang perolehan masing-masing berdasarkan garis panduan ini supaya bayaran kepada pembekal dapat dijelaskan pada tahun kewangan semasa.

1.4 Bagi Proses Akhir Tahun (*Year End Process* - YEP) 2019, Sistem **eP** menyediakan Menu Tindakan Akhir Tahun untuk membantu Kementerian / **PTJ** mengemaskini status pembayaran bagi transaksi akhir tahun.

## 2. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN / PTJ

| BIL. | KETERANGAN |
|---|---|
| 2.1 | **Modul Pembelian Terus**<br><br>Kementerian / **PTJ** hendaklah memastikan semua Nota Minta bagi perolehan yang perlu dibuat dan dibayar dengan menggunakan peruntukan tahun 2019 diluluskan selewat-lewatnya pada **3 Disember 2019 (Selasa)**.<br><br>Sekiranya Nota Minta perlu dikeluarkan untuk perolehan yang akan dibayar dengan menggunakan peruntukan tahun 2020, maka Nota Minta boleh dikeluarkan pada tahun 2019 tetapi proses kelulusan Nota Minta dan seterusnya hanya boleh dibuat pada tahun kewangan 2020.<br><br>* Sekiranya terdapat Nota Minta bagi perolehan menggunakan peruntukan tahun 2019 yang masih belum diluluskan oleh Pelulus Nota Minta selepas 3 Disember 2019, Kementerian / **PTJ** berkaitan bertanggungjawab untuk |

| BIL. | KETERANGAN |
|---|---|
| | membatalkan Nota Minta tersebut selewat-lewatnya pada 9 Disember 2019. |

2.2 **Modul Pemenuhan**

Kementerian / **PTJ** hendaklah memastikan semua dokumen Sistem **eP** disah atau diluluskan selewat-lewatnya pada tarikh akhir yang ditetapkan bagi memastikan transaksi tersebut mencapai status seperti yang dinyatakan di bawah:

| JENIS DOKUMEN eP (bagi semua jenis peruntukan) | TARIKH AKHIR | STATUS eP |
|---|---|---|
| **Permintaan Pembelian (*Purchase Request* - PR) / Permintaan Kontrak (*Contract Request* - CR)**<br><br>- **PR/CR** diluluskan oleh Pelulus Pemenuhan dan Pesanan Kerajaan (*Purchase Order / Contract Order* - **PO/CO**) berjaya dicipta dan diserah kepada Pembekal. | 4 Disember 2019 (Rabu) | Menunggu Pengesahan Pembekal |
| **Nota Penerimaan Bekalan / Perkhidmatan (*Fulfilment Received Note* - FRN) Separa**<br><br>- Bagi penerimaan **FRN** separa (bekalan dan perkhidmatan tidak dapat diterima sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan), Agensi hendaklah membuat Arahan Pemberhentian Bekalan/ Perkhidmatan (*Stop Delivery Instruction* - **SDI**). | 6 Disember 2019 (Jumaat) | Menunggu Invois |
| **Nota Penerimaan Bekalan / Perkhidmatan (FRN) Penuh**<br><br>- **FRN** diluluskan oleh Pegawai Pengesah masing-masing. | | |
| **Arahan Pembayaran**<br><br>- Padanan pembayaran hendaklah diselesaikan oleh Pegawai Padanan Bayaran. | 9 Disember 2019 (Isnin) | Menunggu Bayaran |

Nota:

i. Sekiranya terdapat transaksi yang telah dikenalpasti untuk tidak diteruskan oleh Kementerian / **PTJ** bagi tahun kewangan semasa, Pelulus Pemenuhan hendaklah mengambil tindakan untuk membatalkannya di dalam Sistem eP selewat-lewatnya pada 9 Disember

| BIL. | KETERANGAN |
|---|---|
| | 2019. |

ii. Sistem **eP** akan membuat pembatalan secara automatik bagi semua transaksi **PR/CR** yang masih belum diluluskan oleh Pelulus Pemenuhan atau **PO/CO** yang telah diluluskan dengan **FRN** yang belum diterima sepenuhnya pada tahun kewangan semasa (2019) pada 11 Disember 2019.

**Tindakan Yang Perlu Diambil Sebelum Tarikh Akhir Penutupan Akaun**

Sebelum tarikh akhir penutupan akaun pada 12 Disember 2019, Kementerian / **PTJ** hendaklah meneruskan tindakan berikut (jika perlu):

| JENIS DOKUMEN eP | JENIS PERUNTUKAN | STATUS eP | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **Pesanan Kerajaan (PO/CO)**<br><br>- **PO/CO** yang telah diluluskan dengan kesemua **FRN** telah diterima sepenuhnya pada tahun kewangan semasa (2019). | **VOT S** | i. Menunggu Invois<br>ii. Menunggu Kelulusan Nota Debit<br>iii. Menunggu Padanan Bayaran | Meneruskan padanan bayaran dalam tahun kewangan baharu (2020). |
| | **VOT P** dan Dana | i. Menunggu Invois<br>ii. Menunggu Kelulusan Nota Debit<br>iii. Menunggu Padanan Bayaran | Sekiranya proses padanan bayaran tidak dapat dilaksanakan, **PO/CO** berkaitan hendaklah dibatalkan.<br><br>Bayaran hendaklah dibuat menggunakan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan |
| | **VOT B** dan **VOT T** (tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan di bawah **AP58** (a)) | i. Menunggu Invois<br>ii. Menunggu Kelulusan Nota Debit<br>iii. Menunggu Padanan Bayaran | Sistem akan memindahkan transaksi ke dalam Menu Tindakan Akhir Tahun.<br><br>Setelah pembayaran di **iGFMAS** selesai di tahun kewangan baharu (2020), Kementerian / |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>KETERANGAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>PTJ dikehendaki mengemaskini status transaksi tersebut dengan memilih “Ditutup/ Pembayaran Secara Manual” di menu Aplikasi Saya > Pemenuhan >Tindakan Akhir Tahun.</td></tr>
</table>
<br>
PERINGATAN:
<br><br>
SISTEM eP AKAN MEMBUAT PEMBATALAN SECARA AUTOMATIK BAGI SEMUA TRANSAKSI YANG MASIH BELUM SELESAI DI SENARAI TUGASAN PADA 31 DISEMBER 2019 KECUALI TRANSAKSI BAGI JENIS PERUNTUKAN VOT S.
</td></tr>
</table>

## 3. PENUTUP

3.1 Kementerian / **PTJ** hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya supaya bayaran kepada pembekal dapat dijelaskan dalam tahun kewangan semasa bagi mengelakkan pembayaran di bawah **AP(58)(a)**.

3.2 Aduan hendaklah dibuat melalui menu eAduan atau menghubungi Meja Bantuan (*Help Desk*) **CDC** jika Kementerian / **PTJ** menghadapi sebarang masalah untuk meneruskan transaksi melalui Sistem **eP**.

**Bahagian Perolehan Kerajaan**
**Kementerian Kewangan Malaysia**
**26 November 2019**